



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**2,000 GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) DISANTUNI SEMPENA
HARI ISTIMEWA SAINS 2024 ANJURAN PUSAT SAINS NEGARA**

KUALA LUMPUR, 25 Jun 2024 – “Dimensi Dunia Istimewa” mewarnai Hari Istimewa Sains (*Special Science Day*, SSD) 2024, anjuran Pusat Sains Negara (PSN) Kuala Lumpur, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Menambah seri penganjuran SSD kali ini adalah penampilan khas oleh Yang Amat Berbahagia Dato’ Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail.

Bertemakan “Dimensi Dunia Istimewa”, seramai 2,000 OKU menyertai program khidmat sosial tahunan PSN bertujuan untuk menggalakkan di samping meraikan penglibatan OKU dalam aktiviti pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Penganjuran SSD akan membawakan konsep bermain sambil belajar melalui lima (5) deria utama iaitu penglihatan, sentuhan, bau, rasa dan pendengaran.

Pada tahun 2023, SSD telah berjaya melibatkan seramai lebih 1,500 penyertaan daripada sekolah dan persatuan OKU seluruh negara. Tahun ini, SSD diadakan pada 25 hingga 26 Jun 2024, bermula 9.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di PSN Kuala Lumpur. PSN menawarkan kemasukan umum percuma kepada semua OKU, ibu bapa, penjaga dan pengiring termasuk kemasukan ke galeri bertema Obskura XR dan *Green Guardian Centre* sepanjang dua (2) hari program berlangsung.

Pelbagai aktiviti telah dirancang antaranya demonstrasi sains, persembahan anak-anak OKU, bengkel permainan sensori, aktiviti kreatif *hands-on* serta pameran dari agensi dan organisasi berkaitan OKU. Ianya direka khas agar bersesuaian dengan keupayaan peserta seperti aktiviti melibatkan kemahiran sensori dan kognitif.

Kemuncak kepada program ini adalah penyerahan kit STEM Pendidikan Khas kepada jemputan pelajar sekolah dan organisasi yang hadir. Melalui serahan kit ini, ia sebagai simbolik penghargaan dan tanda kasih PSN kepada semua OKU yang hadir dan sama-sama membudayakan STI. Selain daripada itu, ia juga menandakan pendirian dan sokongan MOSTI terhadap hak serta peluang kepada semua lapisan masyarakat termasuk OKU untuk menerima pendidikan sepanjang hayat dalam bidang STI.

Penganjuran aktiviti sepanjang SSD 2024 melibatkan kolaborasi PSN bersama beberapa jabatan dan agensi kerajaan antaranya Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Khas (BP Khas) KPM, PERMATA Kurnia, Bahagian PERMATA, KPM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Turut hadir adalah YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan isteri, YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin Bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI dan isteri, YBhg. Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani, Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), YBrs. Dr. Sharmila Mohamed Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Encik Mohammad Fuad Bin Rahman, Pengarah Pusat Sains Negara.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
25 JUN 2024**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Puan Rosnani Rahman
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pendidikan
Pusat Sains Negara
(012-336 0739)

Puan Hafizah Kher
Penolong Pengarah Kanan
Unit Komunikasi Korporat
Pusat Sains Negara
(017-215 6862)

Mengenai Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my

Kit Media

[https://drive.google.com/drive/folders/1KQbojLWhLpaotOFM3od7yDKwaFxR8eZ?usp=drive link](https://drive.google.com/drive/folders/1KQbojLWhLpaotOFM3od7yDKwaFxR8eZ?usp=drive_link)

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. ATURCARA SEPANJANG SSD 2024

	LOKASI	25 JUN 2024 (SELASA)	26 JUN 2024 (RABU)
Outdoor	Parabolic Dome	Buih sabun gergasi (9.00 pagi - 10.00 pagi)	
Aras 1	Annex	Pendaftaran Peserta (8.30 pagi - 10.00 pagi)	
	Akuarium	Aquaman (11.30 pagi)	
	Atrium	Kraf Belon (10.30 pagi & 2.30 petang)	
		Jejak Sains & Minda Pantas (9.00 pagi - 4.30 petang)	
		Penampilan Khas YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail (12.30 tengahari - 1.30 petang)	Persembahan Gemilang Anak-anak Istimewa (10.30 pagi)
		Persembahan nyanyian dari pelajar autism (Umar Hasfizal - OKU Autism)	i. Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang (Tarian) ii. SK Putrajaya Presint 18(1) (Koir)
		Persembahan gemilang anak istimewa (KOIR - Persatuan OKU Selangor)	Perkongsian Khas bersama Fyn Jamal (11.40 pagi) Penampilan Khas Azmi Caliph Buskers (12.00 tengah hari)
	Pentas Sains	Persembahan Sains (11.00 pagi & 3.00 petang)	
	Kids Discovery Place	Let's Xperiment Saintis Tunas - Face painting*	
	Galeri Aras 1	Wonderspark Science Valley Distrik Teknologi Kidz World (9.00 pagi - 5.00 petang)	
Aras 2	Tinker Garage, Aras 2	TinkerBot - Robot Temi - KIBO Robot - Spherobolt (9.00 pagi - 5.00 petang)	

	Zon iSTEM	<u>Lensa Alam</u> Goolee USIM Agensi Nuklear Malaysia (ANM) IPGKIK SC Aroma Alam Kotak Hitam Exhibit Unit Pameran (9.00 pagi - 5.00 petang)	
	Galeri Aras 2	iRays Obskura XR Green Guardian Center (9.00 pagi - 5.00 petang)	
	Bilik VIP*	Calm Room	
Aras 3	Auditorium, Aras 3		<u>Pengisian dari Universiti Malaya (UM)</u> Perasmian Bengkel Pemerksaan Perkembangan Mental OKU Masalah Pembelajaran oleh Dekan, Fakulti Sains, UM (9.00 pagi) Ceritera di Sebalik Radas: Pendidikan Sepanjang Hayat dan Cabaran Sosial OKU Masalah Pembelajaran (10.30 pagi hingga 11.30 pagi)
	Makmal Creative Spot	Kenali Covid-19 (9.00 pagi - 5.00 petang)	
	Makmal Wonders Hub	Mini Eksperimen Sains oleh Persatuan Juruteknologis UM	
	Makmal Spark Station	Al-Quran di hujung jari (9.00 pagi - 5.00 petang)	Al-Quran tanpa suara (9.00 pagi - 5.00 petang)
	Balkoni Anjung Aras 3	Aspirasi STEM (9.00 pagi - 5.00 petang)	
	Balkoni Aras 3 MPH, Aras 4	Sarapan Petugas (8.00 pagi - 9.30 pagi)	
		Makan Tengahari Petugas & Peserta (1.00 petang - 2.00 petang)	

2. AKTIVITI SEMPENA SSD 2024:

- i. **Lensa Alam** – Peserta akan berpeluang menerokai alam semula jadi menggunakan deria bau dan sentuhan;
- ii. **Persembahan Sains** - Demonstrasi eksperimen sains bertemakan magika fenomena alam di sekeliling bersama *science communicator* dari PSN;
- iii. **Persembahan Gemilang Anak-Anak Istimewa** – OKU akan diberi peluang untuk mengadakan persembahan seperti nyanyian, tarian, serta mendeklamasi sajak di PSN;
- iv. **Penampilan Istimewa** – Sesi bersama figura pemimpin/ artis/ berpengaruh/ motivator yang berkaitan dengan individu OKU bagi meraikan semua peserta SSD. Figura penampilan khas akan berkongsi tentang pengalaman atau pendidikan yang memberi inspirasi kepada masyarakat bahawa kelainan upaya yang dianugerahkan bukan penghalang untuk berjaya; dan
- v. **Sains Situ Sana Sini** – Aktiviti eksperimen ringkas dan mudah bersama-sama ahli akademik jemputan dari universiti tempatan dan petugas PSN.

4. PRODUK OKU MATE

Merupakan produk keluaran Addin *Legacy*. Produk ini merupakan kerusi roda untuk memudahkan pergerakan terutama individu kurang upaya (OKU) *Cerebral Palsy* atau mengalami kesukaran untuk bergerak.

5. MYB PROSTHETIC LIMB

Merupakan produk keluaran MyB Innovation Sdn. Bhd. Produk ini ialah alat ganti (prostetik) anggota kaki palsu untuk bahagian kaki yang dipotong akibat kemalangan atau penyakit kencing manis. Inovasi ini boleh melakukan pergerakan di buku lali bagi memudahkan solat dan tidak perlu ditanggalkan.

6. eBrelle (LAPTOP FOR THE BLIND) DARI USIM KEPADA PERSATUAN OKU PENGLIHATAN

eBrelle adalah sebuah peranti elektronik yang berfungsi sebagai komputer riba khusus bagi individu kurang upaya penglihatan. Selain keistimewaannya untuk menulis dan mencatat teks dalam tulisan *braille*, ia juga mampu membaca dan mentranskripsi fail-digital termasuklah dalam format PDF, *Microsoft Word* dan *Power Point*. Sesuai dengan peranannya sebagai komputer riba, peranti yang dibangunkan oleh Syarikat eDote Sdn. Bhd. ini juga dilengkapi dengan kemudahan *Bluetooth* dan *Wifi* serta mempunyai ruang penyimpanan maklumat sendiri bersaiz 32GB.

Dengan kerjasama USIM melalui Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum, eBrelle telah ditambahbaik dari sudut kandungannya dengan pengisian al-Quran *Braille* yang memenuhi standard Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran, Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Sebagai perancangan kerjasama jangka masa panjang, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum USIM akan turut menyumbangkan bahan-bahan bacaan Islami seperti Iqra *Braille*, 40 Hadis Tentang OKU, Syarah Hadis 40 Imam Nawawi, Modul Pengajaran al-Quran *Braille Standard* Malaysia dan pelbagai bahan bacaan lain yang melengkapkan peranti eBrelle ini sebagai alternatif utama bagi komuniti OKU penglihatan memperoleh akses kepada sumber ilmu.

7. PERSEMBAHAN NYANYIAN UMAR HASFIZAH

Umar Hasfizal, berusia 25 tahun, telah dikesan sebagai insan istimewa AUTISME ketika berusia 2 tahun. Sejak itu, Umar mengikuti Program Awal Intervensi dan mengikuti Program Inklusif di sekolah kebangsaan dan telah menceburkan diri dalam pelbagai aktiviti. Umar mempunyai minat dan bakat dalam bidang nyanyian serta bacaan dan hafazan Al Quran.

Dalam bidang nyanyian muzik, Umar sering menerima undangan daripada badan korporat dan agensi kerajaan untuk membuat persembahan di majlis-majlis rasmi termasuk diberi penghormatan untuk menghiburkan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung dan Yang Amat Berbahagia Isteri Perdana Menteri.

Pada tahun 2018, Umar menjadi calon IKON AUTISME sempena Anugerah HATI KE HATI anjuran Bank Rakyat Malaysia Bhd. Sebagai persediaan untuk menjadi individu yang berdikari, Umar berjaya menamatkan pelajaran di Kolej Komuniti Selayang dalam bidang ASAS KULINARI dan kini bertugas sebagai krew di INSPIRED KITCHEN di Kolej Komuniti Selayang.

8. SENARAI JEMPUTAN SEKOLAH DAN PERSATUAN OKU

BIL	NAMA SEKOLAH DAN ORGANISASI
1.	Sekolah Kebangsaan Meru
2.	Sekolah Kebangsaan Meru 2
3.	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Ipoh
4.	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Ipoh
5.	Sekolah Kebangsaan Mantin
6.	Sekolah Kebangsaan Parit
7.	Sekolah Kebangsaan Taman Segar
8.	Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Manshor (A)
9.	Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Manshor (B)
10.	Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Setapak
11.	Persatuan OKU Selangor
12.	Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang
13.	Sekolah Menengah Kebangsaan Orkid Desa
14.	Persatuan Ibu Bapa Dan Ahli Intervensi (PIBI)
15.	Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 18 (1)
16.	Gabungan Anak-Anak Palsi Serebrum (GAPS)
17.	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tasik
18.	Persatuan Sindrom Down Malaysia
19.	Madrasah OKU Yayasan Faqeh
20.	Pertubuhan Komuniti Kasih
21.	Pertubuhan Kanak-Kanak Spastik Selangor & Kuala Lumpur

9. KERJASAMA AGENSI/JABATAN KERAJAAN DAN SWASTA

BIL	AGENSI/JABATAN DAN SYARIKAT SWASTA
1.	Jabatan Pendidikan Negeri, KPM
2.	Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), USIM
3.	Fakulti Perubatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
4.	Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM)
5.	Goolee Sdn Bhd
6.	Agensi Nuklear Malaysia (ANM)
7.	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
8.	MyDigital Corporation